



14 November 2011
14 November 2011
P.U. (A) 372

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (KEPENTINGAN DITETAPKAN) 2011

COMPANIES (PRESCRIBED INTEREST) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 1965

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (KEPENTINGAN DITETAPKAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 373(*g*) dibaca bersama perenggan 6A(9)(*d*) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat (Kepentingan Ditetapkan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2011.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Akta” ertinya Akta Syarikat 1965;

“kepentingan yang ditetapkan”, berhubung dengan suatu kepentingan yang disebut di dalam subseksyen 6A(6) Akta, ertinya suatu kepentingan yang hendaklah tidak diambil kira sebagai kepentingan anggapan bagi maksud perenggan 6A(9)(*d*) Akta; dan

“transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti” mempunyai maksud yang diberikan kepadanya di dalam Garispanduan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Kepentingan yang ditetapkan

3. Suatu kepentingan di bawah subseksyen 6A(6) bagi seseorang yang timbul daripada transaksi pinjaman dan peminjaman sekuriti adalah kepentingan yang ditetapkan.